

360 PELAJAR SULUNG KUTKM HADIRI MAJLIS HALUAN SISWA

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 10/06/2001 | Author: / SBS AKD

MELAKA, 10 Jun (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Air Keroh hari ini menerima kumpulan pertama pelajar seramai 360 orang.

Rektor KUTKM Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani berkata 55 peratus atau 197 adalah pelajar lelaki manakala 163 lagi pelajar perempuan akan mengikuti minggu haluan siswa selama satu minggu bermula esok.

Beberapa acara yang melibatkan pemimpin kerajaan diadakan, antaranya majlis perasmian minggu itu pada Rabu ini oleh Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, katanya pada persidangan media di sini.

Pada Khamis ini pula para pelajar berpeluang berinteraksi dengan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dalam sesi Mahasiswa Bersama Pemimpin, katanya.

Mohd Ruddin berkata kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal, Alor Gajah seluas 291.6 hektar kini dalam fasa pertama pembinaan yang melibatkan kos RM400 juta.

Fasa kedua dijangka dimulakan pada 2004 dan projek keseluruhan dijangka siap pada 2010 dengan kos keseluruhan RM950 juta.

"Apabila siap sepenuhnya ia mampu menawarkan sebanyak 30 kursus yang lebih menjurus kepada kursus-kursus teknikal dan mampu menampung 10,000 pelajar," katanya.

-- BERNAMA

SBS AKD